

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS 2017

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

TARIKH :

**SOALAN :Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:-**

senarai jenis buah-buahan yang boleh diekspot ke negara asing dan memberi penjelasan sama ada senarai ini termasuk buah nangka madu di mana ramai pekebun-pekebun kecil telah digalakkan untuk menanamnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis buah-buahan yang telah mendapat laluan pasaran untuk dieksport ke luar negara adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS BUAH-BUAHAN	NEGARA	BENTUK EKSPORT
1.	Semua jenis buah-buahan	Kesatuan Eropah, Hong Kong, Negara Timur Tengah, Singapura	Semua bentuk
2.	Pisang	China, Jepun, Korea Selatan	Buah segar
3.	Cempedak	Jepun	Sejuk beku
4.	Kelapa	Kanada, China, Jepun, Korea Selatan, Taiwan	Buah segar
5.	Durian	a) Australia, Taiwan b) Australia, Cina, Taiwan, Jepun, Korea Selatan c) Australia, Taiwan, Cina, New Zealand, Korea Selatan, Amerika Syarikat d) China, Taiwan e) China	a) <i>Chilled pulp</i> b) Segar c) Sejuk beku d) Diproses minima e) Pes

BIL.	JENIS BUAH- BUAHAN	NEGARA	BENTUK EKSPORT
6.	Jambu batu	Kanada	Buah segar
7.	Tembikai susu	Kanada	Buah segar
8.	Nangka	a) Taiwan b) Kanada c) Jepun	a) <i>Chilled pulp</i> b) Buah segar c) Sejuk beku
9.	Longan	Kanada, Jepun	Buah segar
10.	Mangga	Kanada, Jepun	Buah segar
11.	Manggis	Kanada, China	Buah segar
12.	Betik	Kanada, China	Buah segar
13.	Nanas	a) Kanada, Jepun, Korea Selatan, Taiwan b) Australia, New Zealand	a) Buah segar b) Diproses minima
14.	Rambutan	China	Buah segar
15.	Tembikai	Kanada, China, Taiwan	Buah segar

Buah nangka madu adalah tersenarai di dalam jenis buah-buahan yang boleh dieksport ke luar negara seperti Kesatuan Eropah, Hong Kong, Negara Timur Tengah, Singapura, Taiwan, Kanada dan Jepun dalam bentuk *chilled pulp*, buah segar dan sejuk beku. Kesemua pengeksportan adalah tertakluk kepada syarat-syarat import yang telah ditetapkan oleh negara terlibat.